

15 MAY 1996

Mahathir-Amerika

MAHATHIR HADIRI PERSIDANGAN PERNIAGAAN DI AMERIKA

Oleh: Salmly Hashim

WASHINGTON, 15 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan berada di San Francisco dan Washington mulai 17 hingga 21 Mei ini bagi menghadiri dua persidangan perniagaan terkemuka, mengadakan pertemuan dengan para pemimpin perniagaan antarabangsa dan menggalakkan peluang perdagangan dan pelaburan di Malaysia.

Di San Francisco, Perdana Menteri akan mengetuai dialog perniagaan dan teknologi Malaysia-Amerika Syarikat yang menumpukan perhatian kepada industri-industri berteknologi tinggi, pasaran modal, pembangunan infrastruktur dan menggalakkan pelaburan strategik Amerika di Malaysia.

Forum itu, yang bertajuk "Maju Bersama Ke Arah Abad Asia Pasifik", anjuran bersama Institut Kepimpinan dan Strategi Asia (Asli), Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik (Malaysia) dan Majlis Perniagaan California-Asia Tenggara.

Ahli-ahli perniagaan terkemuka Malaysia juga akan berucap pada persidangan sehari itu Isnin ini. Mereka termasuk Pengerusi Kumpulan Arab Malaysia Tan Sri Azman Hashim, Pengerusi Eksekutif Sapura Holdings Tan Sri Shamsuddin Abdul Kadir dan Pengerusi Eksekutif Renong Bhd Tan Sri Halim Saad.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz juga akan memberi maklumat terkini kepada ahli-ahli perniagaan Amerika mengenai peluang-peluang pelaburan teknologi tinggi di Malaysia.

Yang akan turut menghadiri persidangan itu ialah Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, Wakil Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Tan Sri Razali Ismail, bekas Setiausaha Negara Amerika George Shultz dan bekas Timbalan Setiausaha Negara Amerika Clifton Wharton.

Di Washington, Dr Mahathir akan menyampaikan ucapan bertajuk "Perdebatan Mengenai Nilai-nilai Asia" di Mesyuarat Umum Antarabangsa ke-29 Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik (PBEC), yang akan dirasmikan oleh Presiden Amerika Bill Clinton pada Isnin.

Greg Stanko, pengarah perhubungan media PBEC, pada Selasa berkata anggota-anggota yang menghadiri mesyuarat tahun ini mengenai "Di Sebalik Retorik: Melaksanakan Perdagangan dan Pelaburan Bebas di Rantau Pasifik" akan membincangkan beberapa garis panduan sukarela yang boleh dikemukakan kepada kerajaan masing-masing untuk menggalakkan perdagangan dan pelaburan di rantau itu.

Pengerusi PBEC Russell Fynmore, sambil mempelawa para anggota majlis itu menghadiri persidangan itu, berkata PBEC telah menubuhkan Jawatankuasa Khas untuk menumpu perhatian kepada isu-isu mengenai kepentingan perniagaan masa kini.

Ini termasuk menggalakkan aliran pelaburan asing, mengurangkan halangan pentadbiran kepada perdagangan antarabangsa, mempercepatkan pelaksanaan teknologi-teknologi baru dan menseimbangkan pembangunan ekonomi dengan keperluan alam sekitar yang bersih.

PBEC mempunyai Jawatankuasa Halangan Pentadbiran, Jawatankuasa Alam Sekitar, Jawatankuasa Produk Makanan, Jawatankuasa Pelaburan Asing Terus dan Jawatankuasa Teknologi.

Jawatankuasa-jawatankuasa itu akan cuba mempengaruhi fokus Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) mengenai isu-isu yang penting untuk perniagaan di rantau itu memandangkan APEC bergerak ke arah mencapai objektifnya mewujudkan perdagangan bebas menjelang 2000.

"Apa yang diperlukan ialah pelaksanaan dasar-dasar yang akan memastikan

matlamat 2020 menjadi kenyataan. Wawasan perlu ditukar kepada kenyataan," kata Fynmore.

Stanko berkata Dr Mahathir akan bertemu dengan sekumpulan kecil pemimpin-pemimpin perniagaan terkemuka pada sebelum dan selepas beliau menyampaikan ucapan.

PBEC, yang diasaskan pada 1967 di Institut Penyelidikan Stanford di San Francisco, telah berkembang daripada 19 syarikat anggota dari lima negara kepada 1,200 syarikat dari 19 negara.

Ibu pejabat antarabangsa PBEC terletak di Honolulu, Hawaii, dan anggota-anggotanya terdiri daripada perniagaan sederhana dan besar dari Australia, Canada, Chile, China, Colombia, Fiji, Hong Kong, Indonesia, Jepun, Malaysia, Mexico, New Zealand, Filipina, Russia, Korea Selatan, Taiwan, Thailand dan Amerika. Ecuador akan diterima menjadi anggota terbaru pada mesyuarat tahunan PBEC di Manila.

Antara yang akan berucap pada persidangan PBEC itu ialah Presiden Filipina Fidel Ramos, Naib Perdana Menteri China Li Lanqing dan Presiden Mexico Ernesto Zedillo Ponce de Leon. Rafidah merupakan seorang daripada anggota sidang pleno pada perbincangan mengenai "Jepun Pada Abad ke-21." --
BERNAMA

SH NAK